

KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

ABM WILAYAH SELATAN LAHIR LEBIH 90,000 PERSONEL BINAAN

Johor Bahru, Johor, 2 Oktober 2018: Akademi Binaan Malaysia (ABM) bersama Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) hari ini meraikan kejayaan 250 orang pelatih ABM Wilayah Selatan dengan penyampaian Sijil Kecekapan Kemahiran (SKK) CIDB, sekaligus mengiktiraf para pelatih ini sebagai tenaga pekerja mahir. Pelatih-pelatih yang diraikan berjaya memperoleh SKK CIDB melalui ujian-ujian yang diambil berdasarkan 14 tred dalam latihan kemahiran yang meliputi kluster bidang bangunan, jentera berat, pendawaian elektrik, minyak dan gas.

Setakat ini, seramai 90,000 personel binaan berjaya dilahirkan oleh ABM Wilayah Selatan sejak penubuhannya pada tahun 2000 yang mana daripada jumlah tersebut, sebanyak 14,108 merupakan belia lepasan sekolah dan kesemua pelatih terdiri daripada warga tempatan. Menerusi program ABM Wilayah Selatan khususnya, belia-belia lepasan sekolah dan personel binaan telah dilatih dalam pelbagai kursus kemahiran yang berimpak tinggi, termasuklah mengoperasi jentera *Backhoe Loader*, *Mobile Crane* dan juga pemasangan perancah atau *Scaffolding*.

“Selaras dengan slogan ABM iaitu ‘Kemahiran untuk Kerjaya’ atau ‘*Skills to a Career*’, CIDB juga mendukung beberapa program yang dapat membantu penyerapan pelatih ABM ke dalam industri pembinaan. Melalui program-program ini, para penggiat industri diberi peluang untuk memainkan peranan dalam pembangunan kompetensi tenaga kerja negara, serta berpeluang mendapat tenaga kerja tempatan yang terlatih dan diakreditasi untuk pertumbuhan organisasi dan memenuhi keperluan projek-projek semasa,” kata Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali, Pengerusi CIDB.

Majlis graduasi pelatih-pelatih ABM Wilayah Selatan ini dirasmikan oleh **Dato’ Hj Osman Bin Sopian, Menteri Besar Johor**. Turut hadir pada majlis tersebut, **Dato’ Ir. Ahmad ‘Asri Bin Abdul Hamid**, Ketua Eksekutif CIDB, **Puan Sr. Sariah Binti Abdul Karib**, Pengurus Besar Kanan, Sektor Dasar dan Korporat CIDB Malaysia,

En. Megat Kamil Azmi Bin Megat Rus Kamarani, Pengurus Besar Kanan, Sektor Personel Binaan CIDB Malaysia, **Sr. Abdul Latif Bin Hitam**, Ketua Eksekutif, CIDB Holdings Sdn. Bhd. dan **En. Supian Bin Musa**, Ketua Pegawai Operasi, Akademi Binaan Malaysia (Wilayah Selatan).

Sejajar dengan teras strategik Produktiviti di bawah Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP), usaha CIDB menerusi ABM ini mampu merealisasikan hasrat kerajaan untuk melahirkan lebih ramai lagi tenaga kerja berkemahiran dan berpendapatan tinggi dalam bidang pembinaan.

Menerusi Program Perantisan atau *Apprenticeship Programme*, pelatih-pelatih ABM yang berjaya menamatkan latihan kemahiran akan ditempatkan di syarikat-syarikat pembinaan selama tiga bulan bagi memberikan pendedahan kepada situasi kerja sebenar di dalam industri. Sepanjang tempoh ini, para pelatih dapat mempertingkatkan pengetahuan serta pengalaman dalam industri pembinaan. Terdapat lebih daripada 50 syarikat yang turut serta dalam melaksanakan program perantisan ini bersama CIDB dan ABM Wilayah Selatan.

Selain daripada itu, pada tahun ini, CIDB juga telah memperuntukkan lebih RM 400,000 bagi membiayai program Usahawan Kemahiran di bawah program ABM Wilayah Selatan. Program ini memberi tumpuan pada bidang Kemahiran Pendingin Hawa bagi melahirkan lebih ramai belia yang menceburkan diri dalam bidang keusahawanan khususnya dalam perniagaan pendingin hawa. Menerusi program Usahawan Kemahiran ini, pelatih lepasan ABM diberikan latihan berkonsepkan “Group Branding” untuk melahirkan usahawan-usahawan yang berkredibiliti dan berjaya.

Sehingga kini, sebanyak 8 orang pelatih yang terpilih sedang mengikuti program ini. Sesi pemilihan terakhir akan menyaksikan 4 orang pelatih terakhir yang layak untuk menerima peruntukan set peralatan bernilai RM 10,000 setiap seorang. Lengkap dengan peralatan dan kemahiran yang diperoleh sepanjang mengikuti program ini, para peserta dapat memulakan kerjaya sebagai usahawan. Inisiatif ini bukan sahaja mengukuhkan lagi objektif program ABM dalam mendukung matlamat pembangunan negara dalam strategi untuk meningkatkan pengetahuan dalam bidang kemahiran industri pembinaan, malah membantu meningkatkan jumlah tenaga kerja mahir bagi mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan belia dan graduan.

ABM adalah pusat penilaian dan latihan di bawah kendalian CIDB yang memberi peluang kepada golongan belia dan personel mendalami kemahiran dalam industri binaan. Sejak penubuhan ABM pada tahun 1997 sehingga kini, lebih daripada 300,000 personel binaan telah mengikuti program latihan kemahiran di enam pusat latihan ABM seluruh negara. Kampus-kampus ABM yang beroperasi di koridor ekonomi seluruh Malaysia termasuk Kuala Lumpur, Kedah, Johor, Terengganu, Sabah dan Sarawak.

Untuk maklumat lanjut sila layari www.cidb.gov.my / www.akademibinaan.com.my

Mengenai CIDB Malaysia

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

CIDB Malaysia

Rakis Santa rakis@cidb.gov.my 012-620 0360 / 03-4047 7018
Mansor Ahmad mansor.ahmad@cidb.gov.my 012-386 4997 / 03-4047 7018

Disediakan bagi pihak CIDB oleh NagaDDB Tribal:

NagaDDB Tribal

Putri Adlina putri.adlina@nagaddbtribal.com.my 013 – 357 9055
Kristine Yap kristine.yap@nagaddbtribal.com.my 017 – 333 3637

#####